

19/05/1997

Kemerosotan undi hampakan BN

Dzulkfley Zanudin

SETENGAH jam selepas 34 pusat pengundian ditutup jam 5.30 petang, 17 Mei lalu, kebanyakan penduduk, terutama peniaga di bandar Teluk Intan bersorak 'DAP, DAP, DAP' seolah-olah sudah merayakan kemenangan parti pembangkang itu dalam pilihan raya kecil Parlimen Teluk Intan, walaupun keputusan rasmi hanya diketahui kira-kira jam 10.22 malam.

Mereka dipercayai berbuat demikian kerana yakin sambutan terhadap kempen DAP pada saat akhir, terutama poster DAP yang melebihi Barisan Nasional (BN) di kiri kanan Jalan Ah Cheong, Teluk Intan berpihak kepada DAP, menerusi isu yang dibawanya sepanjang kempen 11 hari itu.

Itu adalah petanda awal peralihan sokongan pengundi bandar terhadap DAP di Teluk Intan selepas parti itu kehilangan kerusi itu kepada Perikatan (kini BN) pada pilihan raya umum 1969 serta diaibkan apabila gagal memenangi sebarang kerusi Parlimen di Perak pada pilihan raya umum lalu.

Kejutan oleh calon DAP, M Kulasegaran, 39, seorang peguam dengan menewaskan calon BN, Dr Chee See Choke, 49, seorang doktor swasta dengan majoriti 2,916 undi, dianggap sejarah serta 'gempa bumi' politik tanah air oleh Setiausaha Agungnya, Lim Kit Siang.

Kulasegaran yang juga Bendahari DAP Perak pernah ditewaskan oleh calon BN, Hiew Yew Can dari Gerakan bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Taman Canning pada pilihan raya umum lalu. Beliau meraih 8,005 undi berbanding Hiew 10,718 undi. Dr Chee pula menyertai Gerakan 23 tahun lalu dan kini Naib Pengerusi Gerakan Perak dan Pengerusi Gerakan Kampar tetapi inilah pengalaman pertamanya bertanding dalam pilihan raya.

Pilihan raya kecil itu berikutan kematian Ahli Parlimen kawasan itu selama tiga penggal, Ong Tin Kim, dari BN pada 10 April lalu. Pada pilihan raya umum lalu, Ong mengalahkan A Prosothman (DAP) dan Hafith Jaafar (Pas) dengan majoriti 13,968 undi. Kawasan itu meliputi DUN Pasir Bedamar dan Changkat Jong mempunyai 51,936 pengundi iaitu Melayu 33.60 peratus, Cina (45.34 peratus), India (21 peratus) dan kaum lain 0.05 peratus.

Kemenangan DAP boleh dianggap undi protes terhadap dasar kerajaan yang mungkin hanya dijawab sendiri pengundi tempatan selain undi simpati terhadap DAP menerusi isu kempen yang dicanangkan Kit Siang, terutama kes Mahkamah Tinggi Melaka yang menimpa anaknya, Lim Guan Eng, yang juga Timbalan Setiausaha Agung DAP.

Isu setempat seperti masalah banjir dan hakisan sungai, pembangunan yang masih lembap dan isu penjaja dan perkhidmatan kurang berkesan pihak berkuasa tempatan semuanya berbaur serta bijak diadun DAP dengan isu nasional seperti dakwaan penyalahgunaan kuasa dan rasuah, selain kisah Guan Eng.

Jika tidak, manakan pengundi yang selama ini memangkah daging sejak tiga pilihan raya umum lalu beralih angin dan selera untuk memilih roket, ketika kerajaan sibuk melaungkan Wawasan 2020 dan masyarakat industri serta negara maju dalam abad ke-21, kebelakangan ini.

Yang pasti, banyak pihak merumuskan kemerosotan peratus keluar mengundi yang agak banyak, iaitu 11.21 peratus, menjadi penentu keputusan pilihan raya kecil itu. Kemerosotan peratus keluar mengundi iaitu 53.22 peratus atau 5,822 daripada 51,936 pengundi, kali ini berbanding 64.43 peratus pada pilihan raya umum lalu dikatakan menjejaskan peluang BN mempertahankan kerusi itu yang pernah sekali dimenangi DAP, 28 tahun lalu.

Walaupun orang Melayu dikatakan kurang keluar mengundi yang menyebabkan kemerosotan peratusan itu, kita jangan lupa sikap pengundi atas pagar

daripada kaum lain serta kegagalan calon BN serta partinya untuk menarik sokongan pengundi Cina perlu dijawab sendiri oleh Dr Chee dan Gerakan.

DAP meletakkan calon India sejak dua pilihan raya umum lalu tetapi tetap mendapat sokongan padu penyokongnya yang dipercayai lebih banyak memangkah parti itu dan bukannya mengambil kira sangat siapa calon mereka, kali ini.

Kempen agresif DAP yang mendakwa Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dikatakan berkata BN tidak memerlukan undi Cina turut dikatakan mempengaruhi sebahagian besar pengundi Cina.

Begitu juga isu semasa membabitkan kehidupan seharian pengundi di Teluk Intan seperti banjir, hakisan sungai, jalan raya, pemilikan tanah serta isu sensitif berkaitan agama kaum masing-masing. Tindak-tanduk serta penguatkuasaan Pejabat Daerah Hilir Perak serta Majlis Daerah Hilir Perak (MDHP) turut dikatakan menimbulkan kemarahan sesetengah pengundi berkaitan isu lesen penjaja, tanah dan pembangunan.

Sepatutnya, penduduk di Teluk Intan sebagai kawasan paling maju di daerah Hilir Perak wajar menerima pembangunan dan kemudahan infrastruktur lebih baik tanpa menunggu kemunculan pilihan raya umum atau kecil. Mereka berhak mendapat perkhidmatan dan kemudahan infrastruktur berterusan kerana membayar cukai taksiran dan bayaran lain kepada pihak berkuasa tempatan.

Selain itu, kedudukan geografinya yang agak terasing dari daerah lain sebagai satu daripada tempat paling akhir dilalui Sungai Perak sebelum mengalir ke laut, dipercayai turut mempengaruhi sikap penduduknya.

Mereka sepatutnya mengalami pembangunan pesat tambahan BN atau Perikatan secara berterusan sudah mewakilinya sejak 1969 dan peluang itu wajar lama dimanfaatkan untuk memantap pembangunan sedia ada.

Tetapi agak malang kerana banyak kekurangan masih dialami di Teluk Intan jika ditinjau secara teliti, termasuk sistem lalu lintas yang kelam-kabut serta tidak diselenggara dengan baik. Malah, kita hairan ke mana perginya cukai dan pendapatan yang diperolehi oleh MDHP termasuk kutipan bayaran tempat letak kereta kerana garisan sesetengah petak letak kereta atau garisan pemisah jalannya sudah pudar kerana lama tidak dicat.

Ancaman banjir atau hakisan Sungai Perak setiap kali air pasang besar atau hujan lebat yang merugikan kerja terbabit sepatutnya tidak dijadikan alasan kerana cukai tetap dikutip walau apapun berlaku.

Namun, sebagaimana kejayaan DAP memenangi pilihan raya kecil Bagan pada 9 September 1995, faktor kemerosotan pengundi sekali lagi memberi kesan kepada keputusan pilihan raya kecil itu, walaupun BN menyediakan pelbagai projek pembangunan, termasuk mengatasi masalah banjir di bandar itu.

Nampaknya, ingatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa DAP cuba menagih undi simpati pengundi kononnya kerajaan BN tetap memerintah walaupun kalah dalam pilihan raya kecil itu dengan alasan pembangkang hanya perlukan satu lagi wakil di Parlimen, seolah-olah tidak dipedulikan sebahagian besar pengundi terbabit.

Menurut Dr Mahathir, pemilihan seseorang wakil rakyat tidak seharusnya kerana perasaan simpati, sebaliknya demi kepentingan pembangunan sesuatu kawasan yang lebih mudah dilakukan jika calonnya dari parti pemerintah.

Pemerhati politik turut beranggapan, walaupun Pas tidak menurunkan calonnya kali ini, kegiatan tidak bertanggungjawab sesetengah pihak yang mengesyorkan pengundi, terutama orang Melayu tidak perlu keluar mengundi, turut membawa padah kepada BN untuk mempertahankan kubu kuatnya itu.

Pengundi Teluk Intan seolah-olah menongkah arus serta merugikan diri sendiri dengan mengundi DAP. Ini kerana, Dr Mahathir ketika lawatan ke Perak pada 15 Mei lalu berkata kebanyakan penduduk bandar di negara ini, termasuk pengundi di Teluk Intan kini menyokong kerajaan dan tidak lagi mudah terpengaruh dengan taktik menagih undi simpati oleh DAP.

Menurutnya, rakyat kini menyokong kerajaan BN kerana mereka tahu pemimpinnya mengutamakan pembangunan negara ini yang boleh dibuktikan

berbanding janji kosong pembangkang.

Sebelum ini, Kit Siang, dalam kempennya pernah mengakui peluang parti itu untuk menang pada pilihan raya kecil itu agak tipis. Ini kerana DAP menyedari cabaran hebat BN.

(END)